

15 April 2010

Semakin Ramai Wartawan Terdedah kepada Risiko Dipenjara

Oleh Jane Morse

Penulis Staf

Washington - Untuk pertama kali, lebih ramai wartawan media online dipenjara daripada wartawan media cetak dan penyiaran tradisional, menurut kajian Pusat Bantuan Media Antarabangsa (CIMA) iaitu satu yayasan amal persendirian yang bertujuan memperkukuhkan institusi-institusi demokratik di seluruh dunia. CIMA adalah satu inisiatif daripada pertubuhan Endowmen Kebangsaan untuk Demokrasi.

Dalam satu majlis khas di Capitol Hill pada 27 April untuk menyambut Hari Kebebasan Akhbar Sedunia pada 3 Mei, CIMA dengan sokongan Kaukus Kongres A.S. untuk Kebebasan Akhbar telah menganjurkan satu perbincangan panel bertajuk "Penulis Blog di dalam Penjara."

"Perjuangan bagi kebebasan akhbar telah beralih ke dunia online," kata Robert Mahoney, seorang wartawan antarabangsa berpengalaman dan wakil pengarah Jawatankuasa untuk Melindungi Wartawan (CPJ). Dalam bancian penjara 2009, CPJ mendapati sekurang-kurangnya 68 penulis blog, wartawan laman web, dan editor online telah ditahan di seluruh dunia dan jumlah ini adalah lebih kurang setengah daripada kesemua wartawan yang berada di dalam penjara sekarang, katanya.

Wartawan online terutamanya sangat terdedah pada penindasan, kata Mahoney, kerana kebanyakan daripada mereka adalah penulis bebas yang tidak dilindungi oleh syarikat media yang mempunyai sumber undang-undang dan jaringan politik untuk mempertahankan mereka - atau mengeluarkan mereka - dari penjara. Penulis blog yang tidak dikenali di pentas antarabangsa sangat terdedah pada intimidasi, diculik dan perkara buruk, katanya.

Wartawan online bukan sahaja diburu oleh kerajaan yang menindas, kata Mahoney. Wartawan online seperti penulis blog yang berani mendedahkan kegiatan haram organisasi jenayah juga diburu oleh kumpulan jenayah berpengaruh, tambah beliau.

Rejim yang suka menindas lebih mudah menghentikan penggunaan Internet daripada menutup organisasi berita, menurut Mahoney. Sistem tapisan, tembok api (*firewall*) dan tekanan terhadap pembekal perkhidmatan Internet adalah alat yang boleh digunakan untuk menekan kebebasan bersuara, kata beliau. Mahoney berkata pembekal perkhidmatan Internet tidak merasa perlu untuk melindungi wartawan media online.

Taktik menutup mulut wartawan online berbeza mengikut negara, kata Robert Faris, pengarah penyelidikan untuk Pusat Berkman bagi Internet dan Masyarakat di Universiti Harvard. Di Syrian penapisan Internet, sementara di Mesir, kerajaannya tidak giat menghalang akses Internet tetapi memburu wartawan online, kata beliau.

Faris berkata kerajaan yang menindas menjadi lebih canggih dalam menggunakan Internet untuk menekan kebebasan bersuara. Dan untuk setiap penulis blog yang dimasukkan ke dalam penjara, kesannya juga dirasai oleh penulis blog lain walaupun tidak didokumentasikan, katanya. Bagaimanapun, secara umumnya penulis blog telah berjaya memperluaskan perbincangan politik yang tidak disentuh oleh media tradisional, kata Faris.

Menurut Tienchi Martin-Kiao, Presiden Pusat PEN, sebuah pertubuhan bebas bukan berasaskan keuntungan yang menyokong kebebasan kewartawanan di China, kerajaan China telah membina satu sistem penapisan canggih untuk memantau perkataan yang bersifat menghasut. Meskipun demikian, penulis dan pembaca blog di China, katanya, berjaya mencipta cara untuk mengatasi sistem penapisan ini dengan mencipta bahasa mereka sendiri - seperti "kosa kata elektronik" yang digunakan untuk mengkritik kerajaan untuk mengelakkan menghadapi tindakan "polis Internet." Tetapi seperti permainan kejar mengejar, kerajaan China dapat membuang entri blog yang mereka tidak suka selepas beberapa minit ia diterbitkan di Internet, kata Martin-Kio.

Omid Memarian, seorang wartawan Iran dan penulis blog yang menghabiskan masa di penjara pada tahun 2004 kerana tulisan beliau berkata ramai bekas pegawai Iran menulis blog untuk mengkritik kerajaan Iran sekarang. "Lebih ramai orang mempunyai akses kepada Internet dan kebebasan bercakap, lebih kuat mereka boleh menekan kerajaan" untuk berubah, katanya. Memarian menekankan bahawa aktivis blog memerlukan akses kepada laman web proksi dengan ciri keselamatan online untuk mengelakkan daripada ditekan kerajaan.

Tapi menurut Faris penggunaan teknologi untuk mengelakkan daripada tindakan kerajaan hanya penyelesaian jangka pendek. "Ini adalah masalah politik yang memerlukan penyelesaian politik," kata Faris. Satu komitmen daripada masyarakat antarabangsa perlu untuk mengatasi tindakan penapisan Internet, tambah Mahoney.

Dalam hal ini Pentadbiran Obama telah menghidupkan kembali Pasukan Petugas Kebebasan Internet Sedunia sebagai forum untuk menangani ancaman terhadap kebebasan Internet di seluruh dunia. Setiausaha Negara Hillary Rodham Clinton, dalam pidato utama beliau pada bulan Januari, berkata Amerika Syarikat telah menggesa syarikat media A.S. untuk memainkan peranan proaktif dalam mencabar tuntutan kerajaan asing untuk menapis dan mengawal Internet.

"Sektor swasta mempunyai tanggungjawab bersama untuk membantu memelihara kebebasan meluahkan fikiran," kata Clinton. "Dan apabila urusan perniagaan mereka mengancam dan menjejaskan kebebasan ini, mereka perlu mempertimbangkan tindakan yang betul, bukan hanya untuk keuntungan segera."

Clinton juga berkata, pentadbiran Obama menyambut baik usaha yang sedang dilakukan oleh Inisiatif Rangkaian Global, yang merupakan usaha sukarela syarikat-syarikat teknologi - bersama dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan dana pelaburan sosial - untuk menangani masalah penapisan Internet. Sebagai sebahagian daripada komitmen kerajaan A.S. untuk menyokong penglibatan sektor swasta yang memelihara kebebasan maklumat, Jabatan Negara telah mengadakan

satu mesyuarat peringkat tinggi pada bulan Februari dengan syarikat-syarikat yang menyediakan perkhidmatan rangkaian untuk berbincang tentang kebebasan Internet.

Artikel asal di <http://www.america.gov/st/democracyhr-english/2010/April/20100429143752ajesrom0.366131.html?CP.rss=true>

Penulis blog Omid Memarian telah menghabiskan masa di penjara Iran kerana tulisannya.

Para peserta pada perbincangan 28 April yang diadakan oleh Pusat Bantuan Media Antarabangsa.